

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Isi Kandungan

1. PENGENALAN	2
2. OBJEKTIF	2
3. SKOP	2
4. KOMITMEN	2-3
5. SEMAKAN DASAR	3

1. **PENGENALAN**

LBS Bina Group Berhad ("LBS" atau "Syarikat") dan syarikat-syarikat subsidiarinya ("Kumpulan Syarikat") komited untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi semua pekerja, pihak berkepentingan luaran serta orang awam.

2. **OBJEKTIF**

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("KKP") ini bertujuan untuk menyatakan komitmen Kumpulan Syarikat terhadap penyediaan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif. Prinsip-prinsip KKP diterapkan secara berterusan di dalam semua aspek operasi Syarikat bagi mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan serta memastikan kesejahteraan pekerja.

3. **SKOP**

Dasar KKP ini terpakai kepada semua operasi, projek, dan tempat kerja di bawah kawalan LBS. Ia merangkumi semua pekerja, kontraktor, pembekal, serta pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam aktiviti Kumpulan Syarikat.

4. **KOMITMEN**

Dasar KKP ini menetapkan komitmen kami untuk:

- i. Mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), sebagaimana dipinda oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 ("AKKP"), serta semua keperluan statutori dan peraturan lain yang terpakai di lokasi operasi kami;
- ii. Memastikan semua aktiviti kerja diurus dan dilaksanakan selaras dengan keperluan dan piawaian KKP sebagaimana yang ditetapkan;
- iii. Mengamalkan serta memperkukuh secara berterusan praktik terbaik bagi mengurangkan dan/atau mengawal kecederaan berkaitan kerja, risiko KKP, serta bahaya di tempat kerja;

- iv. Menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di semua tapak kerja bagi semua pihak berkepentingan yang terlibat;
- v. Memupuk budaya kerja yang proaktif dan bertanggungjawab bagi memastikan risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dikenal pasti, dinilai dan diurus untuk memastikan risiko tersebut diminimumkan ke tahap yang munasabah;
- vi. Memberi latihan yang berterusan dan relevan kepada pekerja serta pihak berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan latihan kecemasan keselamatan tahunan di tempat kerja, bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat;
- vii. Menggalakkan komunikasi terbuka dan penyertaan pekerja serta wakil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), jika berkenaan, dalam perancangan, pelaksanaan, penilaian prestasi, dan aktiviti berkaitan inisiatif KKP; dan
- viii. Memastikan pelaksanaan matlamat dan pelan tindakan KKP yang berkesan, di mana Pasukan Keselamatan dan Kesihatan LBS yang berfungsi sebagai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan statutori di bawah AKKP dipertanggungjawabkan untuk memantau, mengukur dan menilai prestasi KKP kami.

5. SEMAKAN DASAR POLISI

Dasar ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah atas cadangan Jawatankuasa Kelestarian Korporat (Sustainability Committee) dan boleh diakses melalui laman web korporat Kumpulan Syarikat serta sistem rangkaian komputer dalaman.

Dasar ini hendaklah disemak oleh Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap dua (2) tahun dan dikemas kini apabila perlu bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya berterusan. Sebarang pindaan seterusnya kepada Dasar ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah atas cadangan Jawatankuasa Kelestarian Korporat (Sustainability Committee).

.....